



Baraqah Beggars raih kemenangan

Berita dan foto oleh: NOOR AFIZA MOHD ASMI

Kumpulan nasyid Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang dikenali dengan nama Baraqah Beggars terus meraih kemenangan apabila dinobatkan tempat kedua dalam Pertandingan Nasyid antara Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Daerah Kuantan 2015 yang berlangsung di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan pada 7 Mac 2015 yang lalu.

Kumpulan Baraqah Beggars yang dikelolakan Sekretariat Kebudayaan & Kesenian UMP Pekan tampil dengan dua buah lagu yang mana lagu pertama ciptaan penyanyi terkenal Maher Zain bertajuk 'Insyah Allah' berentak Arab moden dan lagu kedua ciptaan sepenuhnya alumni penyanyi nasyid UMP bertajuk 'Alpa' yang bertemakan nasyid moden kontemporari.

Baraqah Beggars membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak tiga ratus ringgit, hamper dan piala iringan. Manakala johan pertandingan dimenangi oleh Kumpulan Kolej Antarabangsa IKIP dan tempat ketiga dimenangi oleh tuan rumah sendiri iaitu kumpulan nasyid dari POLISAS.

Bagi Pegawai Kebudayaan, Unit Budaya dan Seni Kreatif, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMP Kampus Pekan, Noor Afiza Mohd Asmi selaku penasihat kumpulan ini berkata, adalah bukan mudah bagi kumpulan ini untuk meraih kejayaan apabila berhadapan dengan pelbagai dugaan semasa sesi latihan ditambah dengan kesuntukan masa yang mereka

hadapi dalam mempersiapkan diri untuk menyertai pertandingan ini.

Beliau turut berpuashati dengan komitmen yang tinggi dalam kalangan ahli kumpulan. Begitu juga dengan sokongan yang diterima pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (SAFFAD) terutamanya dalam kalangan staf Unit Budaya dan Seni Kreatif.

Sementara itu, mahasiswa tahun satu dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Mohd Amirul Hilmi Mohd Hanoin menyifatkan penglibatan mereka dalam pertandingan ini merupakan cabaran yang mampu mengukur sejauh mana keupayaan Baraqah Beggars dalam mengimbangkan diri dalam aktiviti dan akademik.

Beliau berharap kejayaan kali ini mencetus semangat mereka untuk Festival Nasyid MAKUM yang bakal diadakan tidak lama lagi.

